



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

RAYUAN TERHADAP HUKUMAN YANG TELAH DIJATUHKAN OLEH MAHKAMAH MAJISTRET MUAR TERHADAP PESALAH TENGGU ABDUL AZIZ BIN TENGGU ZAINUDIN DAN TENGGU NIZARUDDIN BIN TENGGU ZAINUDIN

Jabatan ini merujuk kepada keputusan Mahkamah Majistret Muar 1 pada 25 Julai 2025 yang telah menjatuhkan hukuman penjara satu (1) bulan dari tarikh sabitan 25 Julai 2025 serta denda sebanyak RM1,500.00, gagal membayar denda, tiga (3) bulan penjara terhadap kedua-dua pesalah Tengku Abdul Aziz bin Tengku Zainudin dan Tengku Nizarudin bin Tengku Zainudin.

Terdahulu, Tengku Abdul Aziz telah mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 182 Kanun Keseksaan kerana memberi maklumat palsu kepada penjawat awam manakala Tengku Nizarudin pula mengaku bersalah atas pertuduhan bersubahat memberikan maklumat palsu kepada penjawat awam mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 182 Kanun Keseksaan.

Setelah meneliti dan mempertimbangkan keputusan Mahkamah Majistret Muar 1 tersebut, Jabatan ini telah memfailkan Notis Rayuan pada hari ini bagi merayu terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atas kedua-dua pesalah tersebut.

Seksyen 182 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai enam (6) bulan, atau dengan denda yang boleh sampai dua ribu ringgit (RM2,000.00), atau dengan kedua-duanya sekali.

**JABATAN PEGUAM NEGARA
28 JULAI 2025**